

Permohonan Skim Saraan Bercagar bermula 17 Januari



Skim Saraan Bercagar (SSB) Cagamas Bhd akan dibuka untuk permohonan daripada pemilik rumah yang layak di Lembah Klang pada 17 Januari 2022.

Dilancarkan oleh Cagamas baru-baru ini, SSB ialah skim gadai janji berbalik yang bertujuan untuk membantu warga emas membiayai persaraan mereka.

Dalam satu kenyataan semalam, perbadanan gadai janji nasional itu berkata, orang ramai kini boleh mendapatkan maklumat terperinci mengenai ciri, kriteria kelayakan dan proses permohonan daripada laman web SSB di [www\(ssb.cagamas.com.my](http://www(ssb.cagamas.com.my).

“Untuk memudahkan pemahaman dan pengetahuan men-

genai skim ini, bahagian soalan lazim (FAQ) disertakan di laman web,” katanya.

Menurut Cagamas, bagi pelancaran perintis di Lembah Klang, pemilik rumah bersara berumur 55 tahun dan ke atas boleh membuat pertanyaan dan mengemukakan permohonan mereka mulai Isnin, 17 Januari 2022 dan seterusnya di cawangan Kum-

pulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) terpilih, yang akan disenaraikan di laman web SSB awal tahun hadapan.

SSB dijangka boleh didapati di seluruh negara menjelang pertengahan 2022, katanya sambil menambah kepada yang bermingat boleh mengajukan pertanyaan ke e-mel ssb@cagamas.com.my.

BERNAMA